


Tarikh 16 Mei 2016 memang sukar untuk dilupakan oleh masyarakat Orang Ulu di pedalaman Sarawak. Pada hari itu, lebih daripada 400 orang masyarakat Orang Ulu di kawasan Belaga, Baram, dan Murum memecahkan rekod dunia dengan menghasilkan tikar yang paling panjang di dunia. Masyarakat pedalaman Sarawak tiba-tiba menangkap perhatian masyarakat antarabangsa melalui kejayaan mereka melakukan sesuatu yang luar biasa.

Sekali gus acara tersebut dapat dianggap sebagai bersejarah dan begitu indah, bukan sahaja bagi etnik minoriti terbabit di pedalaman Sarawak, tetapi juga bagi negara ini kerana untuk pertama kalinya usaha sedemikian dimasukkan dalam *Guinness Book of World Records*. Jelaslah bahawa kraf tangan dapat mengangkat nama, identiti, dan imej negara di persada negara dan dunia. Perkara yang dilakukan oleh Orang Ulu di Sarawak itu merupakan kebanggaan negara kerana mereka berjaya menyerlahkan citra negara di persada negara dan antarabangsa.

Kejayaan tersebut diumumkan oleh penilai *Guinness Book of World Records* yang didatangkan khas dari England, Rishi Nath, dengan rekod terbaharu yang dicatatkan sepanjang 1128.272 meter, memadamkan rekod la-

Kraf Tangan Menyerlahkan IDENTITI DAN CITRA NEGARA



yang dicatatkan oleh satu komuniti di Sweden - 797.51 meter. *Guinness Book of World Records* merupakan buku rujukan yang diterbitkan dalam 32 bahasa, mencatatkan rekod dunia yang berkaitan dengan pencapaian terhebat manusia. Edisi 2016 merupakan tahun ke-62 buku itu diterbitkan.

Proses pengukuran dan pentauliahkan rekod dunia Guinness untuk tikar terpanjang di dunia dilangsungkan di Dewan Masyarakat Skim Penempatan Semula Bakun di Sungai Asap, Belaga. Majlis perasmianya dilakukan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Daruk Seri Rohani Karim. Projek khas terbabit turut mendapat tajaan Sarawak Energy Berhad, Yayasan Kebudayaan Dayak, dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sebuah dokumentari khas turut diterbitkan dengan tajuk *Mat Weavers Tale (Kisah Penganyam Tikar)* bagi merakamkan sejarah penting dalam komuniti Orang Ulu.

Menurut Rohani, usaha ini amat murni kerana bukan sahaja mempopularkan nama Sungai Asap, Belaga, Sarawak, dan Malaysia di mata dunia, malah turut mengertengahkan kraf tangan yang amat sinonim dengan masyarakat di kawasan ini. "Keseluruhan komuniti terlibat dalam projek ini. Bukan sahaja wanita, tetapi golongan lelaki dan kanak-kanak turut serta."

Kata Rohani dalam sidang media selepas menyaksikan majlis pengumuman tersebut, "Pencapaian ini bukan sahaja aras nama Peng Doh Belaga, tetapi sebenarnya untuk memahat nama Malaysia di peta dunia. Ini kejayaan negara."

Menurut Pengerusi Peng Doh Belaga, Datin Sri Debong Anyie, proses membuat tikar ini melibatkan 24 buah rumah panjang Orang Ulu

Dewan Budaya Julai 2016

Dewan Budaya Julai 2016

Foto: hincikando

Arts & Literature - Handicraft
Pg: 8-13

ctr. no = 0000 274920
AKT 2016/A08

terdiri daripada subetnik Kenyan, Kayan, Penan dan Lahanan, etnik minoriti yang tinggal di pedalaman Sarawak. Projek tersebut dikendalikan oleh Persatuan Peng Doh Belaga.

"Projek ini diusahakan sejak Februari lalu, dengan semangat yang berkobar-kobar oleh para peserta sehingga proses akhirnya hari ini," kata Anyie lagi. "Projek ini menjalin semangat kerjasama yang tinggi dalam kalangan peserta, sambil pada masa yang sama, menganyam harapan bahawa tradisi kraf tangan ini akan diwarisi oleh kelompok generasi muda."

Tikar terpanjang itu mempunyai fungsi, estetika, dan imej tersendiri. Tikar anyaman Orang Ulu itu tidak sama dengan motif, imej, dan nilai estetika yang terdapat dalam tikar anyaman etnik lain. Sesungguhnya seperti

kraf tangan lain, citra bagi kraf tangan terbahit memang unik bagi Orang Ulu.>

"Projek ini sendiri melibatkan generasi tua berusia sekitar 78 tahun sehingga mereka yang berusia 20 tahun," kata Anyie. Kemahiran dan pengalaman menganyam berdekad-dekad merupakan sesuatu yang begitu bernilai. Hanya ketekunan, kecintaan yang mendalam, dan kesabaran yang dapat memungkinan sesiapa pun menjadi tukang kraf mahir dalam penghasilan kraf yang dikerjakan. Tanpa mengira apa-apa pun jenis kraf, kraf tangan yang dihasilkan oleh sesuatu kaum menggambarkan identiti dan citra kaum terbahit.

Dalam tradisi Orang Ulu, tikar amat signifikan dan memainkan peranan penting sejak lahir sehingga kematian. Tikar digunakan untuk menyambut kelahiran bayi, malah digunakan juga untuk membalut mayat yang hendak dimasukkan ke dalam keranda. Tikar turut digunakan untuk tidur, dihamparkan di kamar pengantin dan majlis perkahwinan, selain disediakan istimewa bagi menyambut

tetamu yang datang bertandang. Ukiran atau kalung pada tikar pun melambangkan jenis kasta penganyam dan penggunaannya, sama ada mereka golongan bangsawan ataupun maren, *hipui* (pertengahan), *pinyin* (bawah) dan *dipen* (hamba) Kerja menganyam tikar diusahakan sepenuh masa oleh kalangan wanita komuniti itu.

Kejayaan sebenar projek ini bukan hanya terletak pada kejayaan golongan wanita ini menganyam tikar rotan yang amat bermutu

Setiap produk kraf tangan itu mempunyai sejarah, kepentingan, dan kegunaannya sendiri. Malangnya ada kraf tangan yang telah lenyap kerana pengaruh kemodenan.

tinggi ini, tetapi lebih daripada itu, mereka berjaya membentuk ikatan kekeluargaan dan antara kaum yang kukuh. Yang tidak kurang pentingnya, mereka turut membantu melonjakkan imej dan maruah negara di persada antarabangsa. Masyarakat, yang selama ini sekadar berada di pinggir, bukan sahaja berjaya membawa diri mereka dalam arus perdana di negara ini, tetapi juga melonjakkan nama pada peringkat global. Imej negara tergilap dan terserlah melalui kraf tangan mereka, dengan strategi dan pendekatan projomosi, pemasaran, dan pengiklanan yang berkesan. Bagi Anyie, projek ini amat bermakna bagi wanita rumah panjang di sekitar kawasan itu kerana bukan sahaja membolehkan mereka mempamerkan kemahiran dan bakat kreatif yang ada, malah membantu mereka mengisi masa lapang.

"Terutamanya kalangan warga emas, mereka tidak lagi mampu ke ladang. Oleh itu, mereka

menggunakan masa yang ada ini untuk mencari wang lebih, menambahkan pendapatan yang ada," jelasnya. Anyie berkata bahawa pihaknya bersyukur kerana Sarawak Energy Berhad sanggup membiayai projek ini, apatah lagi dengan kos pencarian rotan yang mahal, berikutan bekalan yang semakin berkurangan.

Usaha yang dilakukan oleh Orang Ulu di Sarawak itu merupakan contoh terbaik tentang cara kraf tangan dapat mengangkat nama negara. Pembuatan kraf tangan bukan sekadar mengisi masa dengan cara yang berfaedah, khususnya dalam kalangan wanita di rumah panjang dan perkampungan di pedalaman, tetapi juga dapat menaikkan citra negara. Pencapaian masyarakat Orang Ulu merupakan kebanggaan rakyat Malaysia kerana mereka telah memberikan contoh terbaik bahawa melalui kegiatan menganyam kraf tangan terbahit, mereka dapat menjalin kerjasama dan memperkukuh solidariti dalam kalangan mereka. Tanpa kerjasama,

kesediaan untuk bertolak ansur dan pengorbanan, tidak mungkin mereka dapat melakukan tugas dan tanggungjawab yang penuh cabaran itu, dan seterusnya mengukir rekod dunia.

Industri kraf tangan di negara ini mempunyai potensi besar untuk dieksploitasikan. Kraf tangan bukan sekadar memberikan pulangan dan ganjaran yang berbaloi, tetapi juga dapat mengangkat imej negara. Kraf tangan merupakan warisan dan budaya benda yang diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi. Kraf tangan boleh berupa alat permainan, pertanian, pertahanan diri, tembikar, batik, tekat ukiran, tenunan, anyaman, atau perhiasan diri dan seumpamanya.

Masyarakat pelbagai etnik di negara ini kaya dengan adat resam dan budaya masing-masing. Setiap etnik mempunyai warisan budaya, termasuk kraf tangan. Kraf tangan tersebut bukan sahaja melambangkan budaya, sejarah, dan memori kolektif etnik tersebut, tetapi juga kemahiran

dan ketukangan mereka. Kemahiran tersebut telah diwarisi sejak zaman-berzaman dan menjadi kebanggaan masyarakat terbahit.

Setiap produk kraf tangan itu mempunyai sejarah, kepentingan, dan kegunaannya sendiri. Malangnya ada kraf tangan yang telah lenyap kerana pengaruh kemodenan. Perihal masyarakat moden lebih suka akan barang moden menyebabkan barangan tradisional, khususnya barangan daripada hasil kraf tangan, semakin dipandang lesu dan tidak mendapat tempat di hati mereka. Generasi muda, terutamanya, tidak seharusnya memandang rendah atau mempunyai persepsi negatif terhadap hasil kraf tangan yang dihasilkan oleh pengusaha tempatan. Rakyat kita perlu berbangga dengan produk kraf tangan kita sendiri dengan membeli barangan tradisional itu. Cara itu akan menaikkan taraf dan imej industri kraf tangan negara lagi.

Sesungguhnya industri kraf tangan di negara ini mampu berkembang dalam pasaran tempatan dan luar negara. Yang penting, produk kraf tangan yang dihasilkan





Orang Ulu berjaya melakukan sesuatu di luar dugaan, tetapi tidak mustahil.

bukan sahaja perlu bermutu tinggi, tetapi juga unik, termasuk dari segi motif dan reka bentuknya. Dengan kepelbagaian etnik dan budaya di negara ini, setiap kraf tangan etnik terbahit mencerminkan budaya etnik itu. Kraf tangan di negara ini mempunyai mutu dan nilai yang tinggi, serta mampu menarik minat orang luar membelinya. Kepelbagaian etnik, budaya, dan agama memperkaya khazanah kraf tangan. Dengan lebih daripada 80 etnik di negara ini, sudah tentu kraf tangan yang dihasilkan oleh mereka juga beraneka dan berwarna-warni, apatah lagi produk itu menggunakan sumber dan bahan semula jadi di negara ini. Produk yang dihasilkan merupakan sentuhan unik tukang terbahit.

Kita perlu berbangga dengan produk kraf tangan kita yang berkualiti, cantik dan unik. Kraf tangan bukan sekadar melambangkan citra sesuatu kaum, tetapi melambangkan citra negara. Motif dan reka bentuk, serta kepentingan sesuatu produk kraf tangan memang unik bagi sesebuah negara. Motif dan reka

bentuk kraf tangan negara ini, misalnya, tidak sama dengan kraf tangan Thailand, Kemboja atau negara Afrika. Hanya dengan melihat sesuatu kraf tangan, kita sudah dapat mengagak negara pengeluarannya. Secara khusus bagi rakyat negara itu, mereka pasti akan dapat mengaitkan produk kraf tangan dengan sesuatu etnik. Dalam konteks ini, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah membantu pereka kraf tangan di negara ini untuk menghasilkan produk baharu melalui penyelidikan dan kajian pasaran.

Bagi meluaskan rangkaian dan pencapaian objektif perbadanan itu, Bahagian Rekaan Kraf Tangan Malaysia, misalnya, telah mewujudkan jenama Preka dengan tujuan untuk menyerlahkan imej baharu rekaan kraf tangan tempatan. Selain itu, tujuannya adalah untuk mengekalkan kualiti dan keaslian produk di samping mengikut cita rasa tempatan dan antarabangsa. Penjenamaan produk kraf dengan nama Preka mempunyai jati diri dan imej tersendiri dari segi reka bentuk,

motif, estetika, tradisi, fungsi dan nilai komersial.

Bagi negara ini, kraf tangan yang dihasilkan oleh orang Melayu tidak sama dengan kraf tangan yang dihasilkan oleh etnik Iban di Sarawak atau Kadazandusun di Sabah. Keunikannya terletak pada bahan yang digunakan, motif, sentuhan dan reka bentuknya, selain kegunaannya. Sesungguhnya setiap kraf tangan perlu dipertahankan kerana kalau tidak dilakukan, besar kemungkinan kraf tangan itu akan pupus, sebagaimana yang berlaku terhadap sebahagian daripada kraf tangan etnik tertentu di negara ini. Kejadian seperti itu tidak sepatutnya berlaku kerana setiap kraf tangan membawa sejarah dan budaya etnik terbahit bersama-sama. Seharusnya usaha perlu dilaksanakan untuk memastikan penakatan kraf tangan. Biar kraf tidak lapuk dek hujan dan tidak legang dek panas, dan bukannya menjadi hidup segan mati tidak mahu kerana jika perkara ini berlaku, maka hal ini merupakan kerugian kepada khazanah negara.

Produk kraf tangan dapat menjadi cenderamata penting

untuk pelancong. Apabila pelancong berkunjung ke negara ini, satu daripada cenderamata penting yang dibeli ialah kraf tangan. Kraf tangan yang cantik, unik, dan menarik sudah pasti akan mendapat tempat di hati pelancong. Kraf tangan yang bermutu tinggi sudah tentu dapat menembusi pasaran yang lebih besar, seperti pasar raya dan gedung beli-belah terkemuka di ibu kota.

Di negara kita, satu daripada tempat yang sering dikunjungi pelancong ialah Pasar Seni di Kuala Lumpur. Kraf tangan yang dijual di situ tentu dapat memperkenalkan Malaysia kepada pelancong. Imej kraf tangan itu membawa imej negara. Di Indonesia, sesiapa yang pernah ke Jakarta tentu kagum dengan kekayaan dan keunikan kraf tangan yang dijual di gedung beli-belah Sarinah. Kraf tangan hasil ketukangan pelbagai etnik di Indonesia dijual di gedung itu, yang jelas mencerminkan wajah Indonesia. Mereka yang berminat dengan kraf tangan pasti terpesona dengan pelbagai jenis kraf tersebut.

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan, terutama melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, untuk membantu pengusaha menaikkan imej kraf tangan negara dan membuka pasaran pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Satu daripada inisiatifnya ialah dengan menganjurkan Hari Kraf Kebangsaan. Pada hari tersebut, pelbagai kategori kraf tangan dipamerkan, meliputi tekstil, hasil rimba, hasil tanah dan logam.

Selain mempromosikan produk kraf tangan, melalui hari itu juga, pengusaha di setiap negeri diajar reka bentuk baharu bagi produk yang dihasilkan. Reka bentuk itu dihasilkan khusus untuk pameran Hari Kraf Kebangsaan. Reka bentuk

bagi kraf terbahit mempamerkan identiti dan imej negara. Dalam hubungan ini, usaha perlu terus dilakukan untuk mempelbagaikan corak, motif, nilai estetika, dan keaslian produk kraf tangan yang dihasilkan bagi memastikan produk terbahit mendapat sambutan rakyat dan pelancong asing yang mengunjungi negara ini.

Biarlah kraf tangan dapat dijadikan sebagai produk untuk memperkenalkan nama negara ini kepada negara luar. Biarlah produk kraf tangan hasil rakyat negara ini dapat dibanggakan dan mendapat sambutan rakyat asing. Namun demikian, sebelum hasrat itu tercapai, tukang terbahit hendaklah terus berusaha meningkatkan kualiti produknya dari pelbagai segi. Seperti produk lain, produk kraf tangan juga dinilai dari segi kualiti dan estetikanya. Semakin tinggi nilai estetikanya dan kualitinya, maka semakin tinggih nilainya dalam pasaran. Apabila sesuatu kraf mendapat sambutan hangat, hal ini, secara langsung, akan menguntungkan negara kerana pada hakikatnya, kraf membawa citra negara. Biarlah kraf negara ini menjadi buruan dan sebutan masyarakat antarabangsa.

Langkah yang diambil oleh kerajaan dengan mengadakan adi guru kraf merupakan tindakan yang bijak. Adi guru kraf ialah orang yang diberi penghormatan dan pengiktirafan oleh kerajaan sebagai tokoh tukang mahir kraf (*master craftsmen*) setelah mereka menepati kriteria tertentu. Yang pertama, tokoh itu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang kraf kepakarannya atau ahli dalam seni kemahiran ketukangan, penciptaan, pengubahsuaian produk, dan pengeluaran barangan kraf warisan bangsa Malaysia. Yang

kedua, dia memainkan peranan penting dalam usaha memulihakan dan memelihara seni kraf warisan. Yang ketiga, dia bersungguh-sungguh menurunkan kemahirannya kepada kumpulan pelapis agar seni kraf warisan itu mempunyai kesinambungan. Yang keempat, dia kreatif dan inovatif dalam usaha memajukan dan meningkatkan kualiti produk kraf yang dihasilkan.

Peranan yang dimainkan oleh adi guru kraf sudah pasti dapat mengangkat nilai dan darjat kraf tangan negara ke tahap yang lebih tinggi lagi, sekali gus menyerlahkan citra negara pada peringkat dunia. Sememangnya peranan kraf tangan dalam mendukung identiti dan citra negara tidak dapat dipandang remeh. Seperti bidang lain, usaha perlu terus dipergiat bukan sahaja untuk meningkatkan kualiti produk kraf, tetapi juga mempromosikannya pada peringkat dunia. Kraf yang dihasilkan oleh pelbagai etnik di negara ini membawa iati diri dan imej negara ini bersama-sama. Melalui kraf tangan, kita dapat memperkenalkan produk hasil pelbagai etnik kepada masyarakat antarabangsa.

Rakyat perlu menghargai produk kraf tangan yang dihasilkan. Kita tidak boleh memandang enteng akan kepentingan kraf dalam melonjakkan imej dan identiti negara pada peringkat antarabangsa kerana setiap negara mempunyai kraf tangan yang unik. Kempen kesedaran untuk menghargai kraf tangan hasil rakyat perlu terus diusahakan bagi memastikan generasi muda, terutamanya, mengenali produk kraf tempatan. Amatlah malang jika produk kraf peribumi diabaikan dan akhirnya pupus ditelan zaman dek kemodenan dan kemajuan, serta sikap tidak mempedulikannya. □